

Ceramah *Adat Kerpatih*

Oleh. MD. SHARIF. F. HASSAN

CERAMAH ADAT PERPATIH

JABATAN PENERANGAN N.SEMBILAN

28.2.1985, jam 9.30 pagi, S'BAN

Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh.....

Terlebih dulu saya mengucapkan terimakasih kepada Tuan Pengarah Penerangan Encik Abdullah bin Morad^{yg} telah mempelawa saya memberi ceramah 'Adat Perpatih' kepada Pegawai-pegawai Jabatan ini yang mana saya rasa majlis ~~ceramah~~ ini ~~sangat~~ besar dan penting. Saya bimbanglah kalau-kalau ceramah ~~saya~~ ini tidak begitu memuaskan tuan-tuan hadirin sekalian.

Tuan-Tuan dan puan-puan,

Tajuk ceramah ini iaitu 'Adat Perpatih'. ^{Tajuk ini} Sebenarnya ^{sebenarnya} bukanlah asing ^{sebenarnya} sangat kepada tuan-tuan sekalian kerana hubungan tuan-tuan dengan masyarakat^{yg mengendat itu} adat adalah sangat rapat, terutama ^{bila bertugas di} ~~kepada masyarakat~~ luar bandar dan perkampungan. Mungkin pada tempat-tempatnya tuan-tuan lebih maklumnya lagi. Jadi bila saya berdiri di sini saya berana bukan ^{lah} nak beri ceramah ^{sangat} tetapi lebih tepatlah ^{nak} macam bertukar-tukar fikiran sahaja.

Tuan-tuan yang dihormati sekalian,

Adat Perpatih itu ~~masyarakatnya~~ ialah undang-undang atau peraturan hidup masyarakat susunan Dato' Perpatih nan Sebatang^{yg} meliputi ^{-bidang} bidang kemasyarakatan, ekonomi, politik, hukum hukum dan lain-lain. Pendeknya Adat Perpatih adalah merupakan satu cara hidup masyarakat zaman silam. Dalam ceramah hari ini saya ^{tidak} ~~diminta~~ menekankan USUL-ASAL adat itu dan AMALANNYA dalam masyarakat.

^{asal-asal}

Saperti sama-sama dimaklum^{kan} adat itu mula tumbuhnya di Alam Minangkabau Sumatera Barat kira-kira enam atau tujuh kurun yang lalu.

Menurut tambonya (Tambo Alam Minangkabau) Dato' Perpatih itu pada masa kecilnya bernama Sutan Balun, Ibunya Puteri Indah Jelito,

bapanya Minik Indu Jati, seorang bijak pandai guru tempat orang bertanya.

Beliau itu ada seorang abang yang sama emak berlainan bapa bernama Sutan Paduka Basa bergelar Dato' Ketemanggongan.

Menurut ceritanya lagi pada waktu kecilnya kedua bersaudara itu pernah berkelahi yang membuatkan Dato' Perpatih (Sutan Balun) keluar mengembara mencari ayahnya yang sedang bertapa, dan menuntut ilmu kepada ayahnya, ^{ketika itu} ^{seorang lelaki}

^{gembala} Di Negeri Tikus Periaman beliau diminta melancarkan ^{perahu yg} ^{akhirnya} yg tidakmahu belayar. Perahu melancar apabila batang kalangnya ^{perahu itu} diganti dengan tubuh perempuan mengandung sulung (kemanakan raja sendiri) perahu melancar - mulanya harta pesaka ^{diturunkan} kepada perempuan. ^{dan meneruskan pengembaraannya} Kemudian belayar sampai ke Burma Geylon dan ke Cina. Banyak mendapat pengalaman (bersuku-suku di N.Cina). Dalam pelayaran berjumpa kayu henjut berisi perkakas tukang pahat dan beliung (perpatih) asal nama Perpatih mengikut tambo.

Apabila balik ke negerinya Padang Panjang dilihat abangnya Dato' Ketemanggongan telah diberimemerintah kawasan KOTA dan PILIANG. Kemudian Dato' Perpatih ^{diberi pula} memerintah di kawasan perkampungan BODD dan ~~GHER~~ CHENIAGA

Ri Biddi Cheniaga dibentuknya lah kerajaan yang berdasarkan kepada perundingan dan muafakat serta budi dan akal tenaga manusia. Setiap apa yang hendak dibuat bermesyuaratlah mereka dahulu dan setelah dapat bulatnya barulah ditegakkan adat ~~kat~~ negeri itu. Adat dan hukum yang berdasarkan fikiran orang banyak itu meluas pemakaian nya ke daerah-daerah Tanah Datar, Lima puluh Kota dan Paya Kumbuh. ^{termasuk}

Maka terbentuklah di situ sistim sosial yang demokratik. Disebut orang "Lareh Biddi Cheniaga" artinya yaitu "Duduk sehampayan, tegak sepematang".

Akan abangnya Dato' Ketemanggungan yang ~~yang~~ membuat negeri di KOTA dan PILIANG, kerajaan Bunga Setangkai berpusat di Sungai Tarab, ~~itu~~ membentuk pula sistim sosial masyarakatnya lebih mempunyai ciri-ciri Aristokrasi (bangsawan) dengan kepimpinan 'Titik dari atas' ~~berjang~~ berjinjang naik bertangga turun. Itulah yang dikatakan sistim Lareh Kota Piliang.

Kedua sistim ini dikenal dengan sebutan "Lareh nan Dua" Tidak lekang dek panas, tidak lapuk dek hujan. Bulat air ke pembuluh, bulat kata ke muafakat.

"Ke laut menuju alur ke darat menuju benar, benar berdiri dgn sendirinya."

"Adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah".
 b" Alam terkembang jadikan guru".

Dengan ungkapan-ungkapan adat ^{itu} ~~tersebut~~ ~~maka lahir~~ maka lahirlah aturan masyarakat sama ada sistim sosial Ketemanggungan atau pun ~~si~~ ^{dan} sistim Dato' Perpatih nan Sebatang". Sebenarnya kedua sistim itu bukanlah lain ^{sangat} masing-masing tumbuh di alam yang sama. Perpatih dan Temenggung itu ibarat ~~tersebut~~ paruh dengan kepak saling bersih member ^{cauan} sih. Adatnya sama di isi lembaganya sama dituang.

^{sistem} Di Negeri Sembilan ini/Adat Perpatih dan Temenggung itu terungkap dalam kata-kata yang demikian bunyinya:

- Adat beratur terbahagi dua, -

Ke laut adat Temenggung ke darat adat perpatih;

Kelaut adat Temenggung: Siapa menjala siapa terjun,
 siapa bersalah siapa bertimbang, siapa berhutang siapa
 membayar, siapa membunuh siapa kena bunuh

~~siapa membunuh siapa kena bunuh.~~

Hutang darah dibalas darah. Hutang nyawa, nyawa padahnya.

Ke darat vadat Perpatih:

"Hukum berdiri dengan saksi, Adat berdiri dengan tanda.
Mencincang berlandasan, melompat bersetumpuan.

Rumbun bakar berpuntung suluh,
curi samán bertetas dinding,
upas racun bersisa makan,
terpijak benang arang hitamlah tapak.

"Hutang bercagar pinjam berganti,
simpan bertaruh cagar bergadai,
hutang bertagih, pintang berbayar,
cagar ditebus, gadai ditawi.

Cincang pampas, bunuh beri balas".

Demikian setengah daripada perbilangan- pdsbilangan adat itu.

Amalan Adat Perpatih dalam masyarakat

Tuan-tuan yang dihormati sekalian,

Sebelum menyentuh tajuk ini elok rasanya saya huraikan sedikit tentang maksud sebuah pepatah adat yang sering kali dipertikaikan orang ~~maksudnya~~ iaitu "Biar mati anak jangan mati adat". Adat dalam ungkapan ini seperti yang telah diterangkan pada awal-awal tadi ialah "Undang-Undang". Jadi ^{alm membuat pertimbangan keadilan dan} untuk menjaga ^{itu} keunggulan undang-^{didapati} undang ~~itu~~ kalau yang bersalah itu anak atau keluarga sendiri maka undang-undang hendaklah diutamakan. Tidaklah boleh bak kata orang "Kena dimata dipicingkan, kena diperut dikempiskan". ^{maka} ^{itu yang dimaksudkan dgn} "Biar mati anak jangan mati adat" ^{bukanlah sebaliknya,} ^{resam,} Dalam kontek yang lain perkataan "adat" itu maknanya sebagai/ke laziman atau kebiasaan, kalau dikata?

adat saya & kelaziman saya

adat kami di sini = resam kami disini

adat Hindu = resam orang berugana Hindu.

Dalam ungkapannya adat itu dapat dibahagikan kepada empat kategori:

Pertama, adat yang sebenar adat,

Kedua, adat yang diadatkan,

Ketiga, adat yang ^{adat} terpakai,

keempat, adat istiadat.

Diantaranya itu yang perinsipnya ialah "Adat yang sebenar Adat".

iaitulah undang-undang yang tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas. Hidup bersuku-suku, berlembaga, berbuapak beranak-buah. Mengira keturunan daripada nisab ibu. Berorang semenda dan bertempat semenda. Tanah Pesaka Adat.

Akan kata kedua, ketiga dan keempat itu boleh berubah mengikut kebulatan muafakat "Alah adat tegal muafakat"

Kok panjang boleh dikerat,

Kok pendek boleh disambung,

Kok sumbing boleh digimpal.

Usang-usang dibaharui,
Lapuk-lapuk dikajangi,
Yang elok dipakai,
Yang lapuk dibuang.

در باره تزئین لباس
بدن باید طالع خدایان
اینک شایسته این مرد

Lihat sahaja dalam upacara nikah kawin/dahulu lain sekarang lan,
Demikian dengan sikap kaum wanita kita, taksama dulu dengan se-
karang. Inilah yang dikatakan ~~kakaxi~~ adat kelaziman yang berubah-
ubah, ~~dan bukannya~~ ~~adaxpaxpaxkaxyang~~ ~~adaxkax~~. Yang ini bu-
kalah Adat Perpatih yg asasi, ~~adaxsahanaxadax~~ ^{Adat Perpatih} Kalu yang as-
asasi itu berubah maka musnahlah adat prpatih itu.

Sapertix dimaklum Adat Perpatih itu masuk ke Negeri Sembilan ini
adalah dibawa bersama oleh perantau-perantau Minangkabau yang
datang dari Luak Lima Puluh Kota, Tanah Datar (Lareh Bodi Che-
niaga) dan daerah-daerah sekitarnya kira-kira dalam K.M XV. -

در نیا که در کشور

Sampai di sini sebagai masyarakat beradat mereka pandai mense-
suakan diri dengan penduduk-penduduk tempatan, Orang Asli, Yang demikian
serta berlaku persemendaan. Mereka patuh dengan kata-kata

"Di mana bumi dipijak disitu langit di junjung, dimana air disauk
di situ ranting dipatah" ^{diadakan perantaraan} Dalam menyusun masyarakatnya sistim
adat di Bodi Cheniaga ^{bersama} ~~di samping~~ itu adat tempatan di-
serap/dan dikembangkan. Maka terdapatlah ~~saka~~ cara hidup bersuku-
suku dikalangan masyarakat mereka berlandaskan konsep, " Adat ber-
sendi ~~kak~~ syarak, syarak bersendi Kitabullah. Syarak menata, adat
memakai".

منشور نصیحت
لا تهرسوا في حق
كل واحد منكم
ايدي سيارين
ايدي وق سيارين
لا تهرسوا في حق
ايدي سيارين
ايدي وق سيارين
لا تهرسوا في حق
ايدي سيارين
ايدي وق سيارين

Nama-nama suku itu adalah nama NAGARI tempat mereka di Alam
Minangkabau (Batu Hampar, Batu Belang, Paya Kumbuh dan lain-lain

Tiga ririk, Seni Melanggang, Seni Lemah Anah

Aoch, Anah Melaka, Tanah Datar, Tiga Batu Biduend

Dengan itu terbentuklah satu sistim pemerintahan adat terdiri dari-
pada beberapa buah luak dan terungkaplah kata-kata, Alam beraja,
Luak berpenghulu, Suku berlembaga, anak buah berbupak. Bulat *
anak buah membuat buapak, bulat buapak membuat lembaga, bulat
lembaga membuat Undang dan demikian seterusnya. Terdapat 9 nama luak, iaitu,

Demikian Adat Perpatih itu tersibar dan berkembang hingga
sampailah ^{sekarang o. Bila} pada zaman Inggeris mencampuri pemerintahan luak-luak
itu dinegeri ini, maka mulalah kekuasaan adat itu menjadi pudar
dan akhirnya bila N.Sembilan membuat persetiaan mengaku bernaung
dibawah Penasihat British 1895 maka kekuasaan kerajaan adat itu
beralih tangan kepada British.

Namun demikian pada himat saya amalan ^{aturan} adat itu ~~diknagark kni~~ masih belum ada kurangnya lagi. Sistim hidup bersuku-syuku masih berja-
lan, nama-nama suku yang dua belas masih ada di bumi adat itu.

Dato'-dato' Lembaga dan ketua-ketua adat yang lain masih tetap berfungsi menjalankan tugas masing-masing. Perbilangan "Patah tumbuh hilang berganti" menjadi landasan bila berlaku kehilangan kepada seseorang ketua adat. Orang semenda dan tempat semenda masing-masing ~~mereka bertanya dulu~~ dengan peranannya dalam suku-suku. Bila hendak melakukan istiadat ~~mereka bertanya dulu~~ berumah-tangga mereka elakkan supaya tidak berlaku "kawin sesuku". Dalam pada itu jika berlaku juga apalah boleh buat. ~~Rx-Ita~~ Bukan lah hukum adat itu yang longgar hanya sikap masyarakatlah yang dipersoalkan.

xx Demikian dengan tanah pesaka adat, tanah itu masih dilindungi oleh undang-undang tanah akta 215. Tanah itu tetap bukan-nya hak individu sebaliknya harta bersama/kepunyaan suku.

Kindah miliknya dikawal oleh Pemungut hasil tanah dan Dato' Lembaga.

Lembaga.

Seterusnya dalam pembahagian harta suami isteri yang bercerai, perbilangan "Dapatan tinggal, bawaan kembali, carian bahagi dan masih diamalkan. *Dikatakan bersuarang-besagih.*

Perkara-perkara itu semualah yang dikatakan asasi dalam Adat Perpatih. Yang lain-lain ~~yang juga dianggap sebagai adat~~
~~Rakyat~~ seperti ^{adat} berpuar, turun ke sawah, melenggang perut, kenduri kawin besar dan seumpamanya itu bukannya Adat Perpatih. Itu ^{kelazimah dulu kala atau} kepercayaan-kepercayaan Hindu atau Animisma yang terdapat dalam kebudayaan kita. (*Kepercayaan warisan dulu kala.*)

Saya pernah ditanya orang, Apakah Adat itu tidak bertentangan dengan Islam?" Saya jawapkan, tidak. Bahkan dengan masuknya ajaran Islam dalam masyarakat Adat, maka ajaran Islam itu menyempurnakan lagi adat itu." (Adat bersendi syarak, syarak bersendi Kitabullah) Lihat sahaja dalam upacara nikah kawin dan dalam ~~mangkamukkan~~ ^{menyempurnakan} jenazah. (huraian)

Selanjutnya ditanya lagi, "Dapatkah adat itu bertahan pada masa akan datang?" Dengan sederhana diberikan jawapan? "Kehendak Allah tiada siapa yang tahu. Tetapi selagi hukum adat ~~itu~~ bersendi syarak tetap ada dan selama hukum syarak dianut oleh umatnya, maka kata-kata, "Tak lapuk dek bujan, tak lekang dek panas" itu akan dipakailah seterusnya. (X)

Akhirnya dapatlah dikatakan, hukum adat dalam masyarakat perpatih itu masih diamalkan ^{dengan} ~~mengikut~~ ciri-cirinya. Dalam ^{berjalan} ~~kehidupan~~ cara hidup sehari-hari ia ~~ia~~ seiring dengan undang-undang dan hukum agama terutama di tanah adat itu sendiri.

Sekian, disudahi dengan maaf jua sekiranya ada yang tersentuh dan tersinggung, wabillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh.